MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Kestabilan kewangan kekal utuh

Kestabilan kewangan kekal utuh sepanjang suku ketiga dalam keadaan luaran yang lebih mencabar dan persaingan dalam negeri yang semakin sengit. Keadaan ini disokong oleh institusi kewangan yang mempunyai permodalan yang kukuh yang memberikan sokongan berterusan kepada aktiviti pengantaraan kewangan dalam ekonomi dalam negeri. Keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan juga terpelihara. Pasaran kewangan menunjukkan keupayaan untuk menyerap turun naik yang semakin meningkat ekoran kebimbangan tentang risiko kerajaan di AS dan kawasan Euro.

Risiko keseluruhan terhadap kestabilan kewangan kekal rendah, disokong oleh prospek risiko kredit yang stabil bagi sistem perbankan. Mutu pinjaman (termasuk pembiayaan Islam) terpelihara dengan jumlah nisbah pinjaman terjejas (peruntukan jejas nilai bersih) terus stabil pada 2.0% daripada pinjaman bersih (S2 11: 2.0%) dan jumlah pinjaman tertunggak (bagi tempoh satu bulan hingga kurang daripada tiga bulan) mencakupi 3.8% daripada pinjaman kasar (S2 11: 3.7%). Hutang isi rumah terkumpul meningkat sebanyak 2.4% pada suku itu, manakala nisbah paras hutang isi rumah keseluruhan kepada KDNK secara relatif stabil pada 77.6% (S2 11: 77.2%). Sebahagian besar hutang isi rumah terus ditumpukan ke arah pengumpulan aset melalui pembelian harta kediaman dan kenderaan. Pemberian kredit oleh bank kepada isi rumah melalui pembiayaan peribadi dan kad kredit meningkat pada kadar yang lebih cepat tetapi terus mencakupi kurang 10% daripada keseluruhan pinjaman sistem perbankan, iaitu tidak berubah sejak tahun 2010. Secara agregat, keupayaan khidmat bayar balik hutang oleh sektor isi rumah terus disokong oleh aset kewangan yang 2.3 kali jumlah hutang isi rumah (S2 11: 2.4 kali). Walau

Sistem Perbankan: Kualiti Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

bagaimanapun, terdapat beberapa segmen isi rumah yang berhadapan dengan cabaran disebabkan oleh kos sara hidup yang semakin meningkat. Menyedari hal ini, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah untuk meringankan beban kewangan kumpulan ini bagi membolehkan mereka menangani keadaan tersebut. Langkah-langkah itu akan memberikan sumbangan yang menggalakkan kepada kestabilan kewangan dan ekonomi secara keseluruhan. Jumlah pinjaman isi rumah terjejas meningkat sedikit untuk mencakupi 1.9% daripada pinjaman isi rumah kasar (S2 11: 2.0%), disebabkan oleh mutu pinjaman yang kukuh untuk pembelian harta kediaman.

Pada suku tersebut, pertumbuhan kredit dalam sektor perniagaan berkembang sebanyak 2.4% pada asas suku tahunan dalam keadaan pertumbuhan hasil perniagaan yang stabil, seiring dengan pengembangan aktiviti sektor benar. Risiko pinjaman tertunggak (risk of delinquency), seperti yang diukur oleh kebarangkalian jangkaan mungkir, bagi perniagaan kekal amat rendah pada 0.8% (S2 11: 0.6%), disokong oleh keupayaan khidmat bayar balik hutang yang kukuh oleh sektor perniagaan. Nisbah pembayaran kepada pengeluaran terus meningkat kepada 96% (S2 11: 87%) manakala jumlah pinjaman

terjejas lebih baik untuk mencakupi 4.4% daripada pinjaman perniagaan kasar (S2 11: 4.6%). Meskipun ketidakpastian adalah lebih tinggi dalam pertumbuhan global dan harga komoditi terus tinggi, prospek risiko kredit bagi sektor perniagaan kekal neutral.

Pasaran kewangan domestik mengalami turun naik yang lebih ketara dan beberapa aliran keluar pada suku tersebut, namun terus teratur dengan keupayaan untuk menyerap perubahan jumlah. Kebimbangan berterusan terhadap hutang kerajaan di Eropah dan penurunan penarafan sesetengah institusi kewangan AS memberikan kesan yang amat terhad terhadap sistem kewangan Malaysia lantaran institusi kewangan Malaysia mempunyai dedahan dalam denominasi mata wang asing yang minimum di institusi kewangan negara-negara tersebut. Berdasarkan hasil ujian ketahanan dalam senario ekonomi paling buruk, sistem kewangan juga terus berdaya tahan terhadap limpahan tidak langsung melalui saluran perdagangan dan ekonomi. Dedahan sistem perbankan terhadap risiko ekuiti kekal kecil pada 0.7% daripada modal asas (S2 11: 1.3%), manakala dedahan sektor insurans dan takaful terhadap risiko ekuiti adalah lebih rendah pada 6.6% daripada modal asas (S2 11: 7.3%) berikutan langkah-langkah yang diambil oleh penanggung insurans dan pengendali takaful untuk mengurangkan pemegangan ekuiti dalam keadaan pasaran yang tidak menentu. Risiko kadar faedah kekal terurus pada 4.9% daripada modal asas (S2 11: 6.0%) bagi sistem perbankan dan 3.4% daripada modal asas (S2 11: 3.3%) bagi sektor insurans dan takaful.

Sektor kewangan kekal berdaya tahan

Permodalan sistem perbankan terus teguh dengan nisbah modal teras dan nisbah modal wajaran risiko terus kukuh, masing-masing pada 12.5% (S2 11: 13.0%) dan 14.6% (S2 11: 14.6%). Kira-kira 85% daripada jumlah modal terdiri daripada modal Kumpulan 1 berkualiti tinggi terutamanya dalam bentuk modal berbayar dan rizab. Modal melebihi keperluan minimum kawal selia 8.0% kekal tinggi pada RM67.8 bilion, justeru memberikan sistem perbankan keupayaan

Sistem Perbankan: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Nisbah Penampan Mudah Tunai kepada Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

kukuh untuk menyerap sebarang kerugian tidak dijangka yang disebabkan oleh keadaan pasaran dan ekonomi yang buruk. Permodalan sektor insurans dan takaful juga terus teguh dengan nisbah kecukupan modal pada 221.1% (S2 11: 223.2%) dan lebihan modal sebanyak RM18.6 bilion.

Sektor perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM6.7 bilion pada suku ketiga (S2 11: RM6.6 bilion) disebabkan terutamanya oleh hasil yang berterusan daripada aktiviti pembiayaan, dan perbelanjaan kakitangan yang lebih rendah (-22.8% pada asas suku tahunan) dan peruntukan kerugian pinjaman (pemulihan bersih) (-1.4% pada asas tahunan). Oleh itu, pulangan atas aset dan ekuiti masing-masing terus stabil pada 1.6% (S2 11: 1.7%) dan 18.2% (S2 11: 18.2%). Perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga mencatat lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan sebanyak RM1.3 bilion (S2 11: RM3.8 bilion), manakala penanggung insurans am dan pengendali takaful am mencatat keuntungan kendalian lebih rendah sebanyak RM476.0 juta (S2 11: RM557.2 juta) pada suku ketiga. Keuntungan insurans hayat dan takaful keluarga menurun disebabkan terutamanya oleh kerugian penilaian pasaran yang lebih tinggi dalam portfolio pelaburan ekuiti, seiring dengan turun naik yang lebih ketara dalam pasaran modal. Keuntungan kendalian lebih rendah yang dicatat oleh sektor perniagaan am sebahagian besarnya disebabkan oleh tuntutan lebih tinggi yang ditanggung pada suku ketiga dengan nisbah tuntutan keseluruhan sebanyak 62.1% (S2 11: 61.3%). Segmen perniagaan motor di bawah 'akta' terus mencatat kerugian besar dengan nisbah tuntutan sebanyak 286.9% (S2 11: 284.3%).

Mudah tunai keseluruhan dalam sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi untuk memenuhi keperluan pengeluaran deposit dan kewajipan mudah tunai lain. Penampan mudah tunai sistem perbankan kekal jauh melebihi keperluan kawal selia minimum, mencakupi 19.0% daripada jumlah deposit bagi keperluan mudah tunai yang matang dalam tempoh satu bulan.

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2010		2011		
	S3	S4	S1	S2	S3
		RM juta			
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	5,062.8	3,151.3	3,238.5	3,775.3	1,315.0
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	480.9	563.7	562.9	557.2	476.0
Nisbah tuntutan (%)	62.2	62.1	61.2	61.3	62.1

Sumber: Bank Negara Malaysia